

17 APR 1996

ANALISIS BERITA

UMNO: PERMASALAHAN MENJELANG PEMILIHAN BULAN OKTOBER

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR: Telah ada petanda awal bahawa perebutan jawatan-jawatan tertinggi UMNO, kecuali Presiden dan Timbalan Presiden, pada pemilihan Oktober depan akan berlangsung dalam suasana paling sengit.

Menurut pemerhati, ini ialah kerana amalan politik wang dan penyalahgunaan kuasa atau kedudukan di kalangan sesetengah pemimpin dan anggota parti ternyata belum dapat dibendung sepenuhnya.

Pelbagai langkah telah diambil pucuk pimpinan UMNO bagi memastikan pertandingan itu berlangsung dalam suasana kekeluargaan, termasuk merangka satu peraturan untuk membasmi gejala-gejala negatif itu pada satu perhimpunan agung khas pada 1994.

Dan usaha terbaru ke arah itu ialah mewajibkan anggota parti yang ingin bertanding sesuatu jawatan mendaftar diri terlebih dahulu dan mereka ditegah menjalankan sebarang bentuk kempen sehingga Julai depan.

Namun begitu, kebanyakan pemerhati berkata, perkembangan mutakhir menampakkan bahawa langkah terbaru itu juga belum tentu menjamin keberkesannya daripada segi mewujudkan pertandingan yang sihat.

Dilihat sekali imbas, peraturan terbaru itu mungkin dapat mengurangkan sedikit-sebanyak ketegangan dan kehairahan berkempen kerana ia meningkatkan peluang bagi calon-calon tertentu berbuat demikian.

Ia juga mungkin boleh mengelak terdetusnya serang-menyerang secara habis-habisan di kalangan calon-calon yang sebelum ini hanya muncul untuk merebut sesuatu jawatan pada saat-saat akhir.

Bagaimanapun, ada kalangan berpendapat peraturan itu lebih banyak menimbulkan masalah daripada mengatasinya kerana dengan mengetahui lebih awal siapa yang akan mencabar siapa, sudah pasti pihak yang dicabar akan memperkemaskan strategi untuk mempertahankan kedudukan.

"Dalam keadaan demikian, pihak yang dicabar mungkin akan terdorong untuk menggunakan segala sumber, termasuk wang yang banyak untuk menjamin kemenangan," kata seorang pensyarah sebuah institusi pendidikan tinggi di sini.

Pihak yang mencabar pula, katanya, akan berusaha mempengaruhi bahagian-bahagian UMNO, termasuk menerusi penggunaan wang atau kuasa, untuk memperolehi undi daripada perwakilan.

Seorang anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO pula khuatir peraturan baru itu jika tidak diselia dengan rapi akan membuka ruang kepada pihak-pihak luar "menaja" calon-calon yang serasi dengan kepentingan mereka.

Ia juga boleh dijadikan bahan persendaan mereka yang ingin memperkecil-kecilkan kewibawaan UMNO dan pemimpinnya dengan mengketengahkan "calon picisan" sekadar untuk suka-suka atau "kacau daun".

Yang dibimbangnya ialah kemungkinan calon-calon tanpa kredibiliti mencapai kemenangan kerana kekuatan wang ringgit.

"Apa akan jadi kepada parti dan negara sekiranya UMNO dikuasai oleh pemimpin yang bertindak mengikut telunjuk orang luar, atau mungkin juga satu kuasa asing, yang tidak senang dengan kestabilan politik dan ekonomi Malaysia sekarang?" tanya beliau.

Ada pihak berhujah kaedah baru itu boleh membendung politik wang kerana seseorang yang tidak mendaftar dalam tempoh yang ditentukan tidak akan berpeluang bertanding, walaupun namanya dicalonkan oleh bahagian selepas itu.

Bagaimanapun, kata anggota MT berkenaan, peraturan itu boleh mencetuskan kekeruhan yang lebih buruk kerana ia tidak mempunyai ikatan

undang-undang dan boleh dipertikaikan di mahkamah.

Ia hanya sekadar suatu peraturan yang menuntut pematuhan kepada keputusan pucuk pimpinan dan menguji sejauh mana anggota parti sayangkan UMNO, sama seperti resolusi perhimpunan agung tahun lepas yang memutuskan bahawa kedudukan Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak akan dicabar sekurang-kurangnya sehingga pemilihan tahun 1999.

"Kedua-duanya tidak terikat dengan perlembagaan parti dan boleh diambil kesempatan oleh kalangan yang berkepentingan untuk menimbulkan masalah kepada UMNO," ujarnya.

Dilihat dalam konteks itulah maka pemilihan Oktober depan dijangka sengit. Menerusi peraturan baru itu, Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz, umpamanya, telah mendapat perkhabaran seawal sekarang bahawa beliau mungkin dicabar oleh anggota Exconya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Rafidah, kata pemerhati, tidak akan membiar kedudukannya terancam dan pasti akan menggembleng segala kekuatan seawal sekarang juga untuk berhadapan dengan pencabarnya.

Beberapa tokoh Pemuda juga telah awal-awal lagi melahirkan hasrat untuk merebut jawatan Ketua pergerakan itu yang kini disandang oleh Tan Sri Rahim Tamby Chik dan Naib Ketua yang disandang oleh Datuk Nazri Tan Sri Aziz.

Arah tuju Rahim dan Nazri sendiri dalam percaturan politik masing-masing belum diketahui tetapi yang pastinya ketua penerangan pergerakan sekarang, Datuk Zaid Hamidi sudah menawarkan diri untuk merebut jawatan Ketua manakala Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohd Isa Samad sedang ditonjol ke arah itu. Bagi jawatan Naib Ketua pula, beberapa nama telah diketengahkan untuk merebutnya termasuk seorang anggota Exconya Datuk Hishamuddin Tun Hussein.

Walau apapun, pertandingan paling sengit dijangka berlaku dalam perebutan tiga kerusi Naib Presiden dan 25 kerusi MT.

Penyandang Naib Presiden sekarang iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib sudah pasti akan mempertahankan kedudukan masing-masing, dan daripada pengumuman awal, mereka mungkin dicabar oleh empat anggota MT iaitu Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Syed Hamid Albar dan Datuk Haji Abdul Ghani Othman.

Dalam pada itu, kira-kira 100 nama, dari kalangan penyandang dan muka baru, sudah menawarkan diri secara terbuka atau sedang menghampiri meja pendaftaran untuk merebut kerusi MT.

Seorang tokoh veteran UMNO pula berpendapat politik wang dan penyalahgunaan kuasa menjelang pemilihan parti sedikit-sebanyak masih boleh dibendung jika semua Menteri Besar dan Ketua Menteri daripada UMNO dilantik sebagai anggota MT tanpa perlu bertanding.

Katanya, pengalaman menunjukkan pembabitan golongan itu dalam kemelut perebutan jawatan turut menyumbang kepada pergolakan parti kerana dengan kedudukan dan kuasa yang ada, mereka berkeupayaan mencorakkan undi yang akan diberikan oleh sebahagian besar ketua bahagian dan perwakilan dari negeri masing-masing.

"Apa akan terjadi seandainya Menteri Besar atau Ketua Menteri mengambil kesempatan "menjaja" perwakilan yang dikuasai mereka dari satu negeri ke satu negeri yang lain untuk mengumpul pengaruh peribadi dan mungkin juga mengaut keuntungan?" tanya beliau.

Tokoh itu juga khuatir kemungkinan sesetengah ketua bahagian turut mengambil kesempatan "memperniagakan" 11 perwakilan dari bahagian masing-masing untuk memperolehi jaminan undi (jika mereka sendiri bertanding merebut sesuatu jawatan) atau ganjaran kewangan dari bakal-bakal calon di negeri atau bahagian-bahagian lain.

Beliau mencadangkan satu peraturan khusus diwujudkan agar seseorang

yang ingin bertanding merebut jawatan Presiden atau Timbalan Presiden pada masa depan mestilah telah pernah memegang jawatan Naib Presiden atau sekurang-kurangnya anggota Majlis Tertinggi.

Mereka yang ingin merebut jawatan Naib Presiden juga harus dari kalangan anggota MT manakala mereka yang ingin merebut kerusi MT mestilah pernah mengetuai atau memegang jawatan di peringkat bahagian. -- Bernama

AM